



MAJLIS SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2018



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah menganjurkan Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan (HKSK) pada 1 Disember 2018 bertempat di Pantai Eco Park, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin.

Acara ini disambut setiap 11 November sebagai platform kepada masyarakat untuk memahami kepentingan amalan 3R (Reduce, Reuse dan Recycle). Selain itu, sambutan ini juga sebagai pemangkin pembudayaan amalan 3R sebagai langkah paling penting dan berkesan dalam menguruskan sisa pepejal secara mampan.

Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2018 adalah berinspirasikan daripada sambutan Hari Bumi 2018 dan Hari Persekutaran Dunia 2018 dengan mengajak masyarakat Malaysia untuk menyedari ancaman dan bahaya pencemaran plastik. Melalui sambutan ini, seluruh masyarakat diseru agar bangkit membanteras pencemaran demi masa hadapan alam sekitar yang terpelihara dan kesihatan yang terjamin.

Sifat produk plastik yang mudah dihasilkan, murah dan penggunaan yang tinggi telah memangkin penghasilan plastik terutamanya “plastik sekali guna” dalam kadar yang tinggi. Ketika ini hanya 9 peratus daripada 9 billion tan plastik yang dihasilkan di seluruh dunia dikitar semula, manakala sebahagian besar yang lain tidak terurus secara lestari.

Kerajaan melalui KPPT dan SWCorp berhasrat untuk menangani isu penggunaan plastik dengan menyediakan platform kepada industri serta setiap rakyat untuk menyumbang kepada pengurusan alam sekitar yang lestari dan holistik. KPPT yang juga telah melancarkan Kempen ‘Jangan Gunalah’ beg plastik pada 13 Oktober 2018 yang lalu berharap seluruh rakyat Malaysia pencinta alam agar tidak menggunakan sama sekali beg plastik, sebaliknya menyediakan alternatif dengan membawa sendiri beg guna semula ketika membeli-belah umpamanya.



Rakyat Malaysia boleh berperanan secara aktif demi membanteras pencemaran plastik ini dengan pelbagai langkah mudah seperti:

- Membawa beg pembungkus sendiri ketika membeli-belah;
- Tidak menggunakan perkakasan plastik sekali guna seperti sudu, garpu dan penyedut minuman;
- Membawa bekas makanan dan minuman sendiri sebagai alternatif ketika membungkus di premis makanan; dan
- Kitar semula setiap produk plastik yang telah digunakan.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat